

Malaysia - Turkiye mampu capai sasaran dagangan RM40.5b

Dua negara berpotensi perluas kerjasama dalam industri halal dan kewangan Islam

Daripada Farah Nabilah Wazer

bhnews@bh.com.my
di Ankara, Turkiye



Sasaran perdagangan dua hala sebanyak AS\$10 bilion (RM40.5 bilion) di antara Malaysia dan Turkiye dapat dicapai berasaskan kekuatan ekonomi kedua-dua negara.


Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata saiz ekonomi Malaysia lebih kecil berbanding Turkiye, tetapi berkembang pesat dan muncul sebagai destinasi menarik untuk pelaburan bernilai tinggi terutama dalam semikonduktor, kecerdasan buatan, pusat data dan teknologi baharu, termasuk industri nadir bumi.

"Saya berpendapat kerjasama ini akan lebih bermakna bukan sahaja dari segi tahap perdagangan tradisional, tetapi juga dalam disiplin baharu yang akan diperkukuh menerusi kerjasama pendidikan dan penyelidikan di antara kedua-dua negara.

"Itulah sebabnya mekanisme diperlukan harus dirangka," katanya dalam kenyataan bersama dengan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan, kelmarin.

Kenyataan itu dikeluarkan sempena lawatan rasmi Anwar ke Turkiye, berakhir hari ini.

Anwar yang juga Menteri Ke-



Anwar dan Erdogan bertukar dokumen Deklarasi Bersama Majlis Kerjasama Strategik Peringkat Tinggi (HLSCC) Malaysia-Turkiye di Kompleks Presiden, Ankara, semalam.

(Foto BERNAMA)

wangan berkata, Malaysia berpotensi besar untuk memperluas kerjasama dua hala dengan Turkiye dalam industri halal dan kewangan Islam.

Bidang strategik baharu

Beliau berkata, industri berkenaan dikenal pasti sebagai bidang strategik baharu bagi memperkukuh hubungan ekonomi serta membuka peluang pertumbuhan bersama pada peringkat serantau dan global.

"Saya ingin memperluas kerjasama ini kepada industri halal dan kewangan Islam, yang mempunyai potensi besar untuk diterokai dan dimajukan oleh kedua-dua negara," katanya.

Perdana Menteri sebelum itu menyaksikan pertukaran tujuh memorandum persefahaman (MoU) di antara syarikat Malaysia dan Turkiye dalam pelbagai bidang antaranya teknologi maklumat dan komunikasi, kewa-

ngan dan pelaburan.

Anwar berkata, Malaysia mendapat manfaat ketara daripada pengaturan perolehan kerajaan-ke-kerajaan dalam aspek industri pertahanan Turkiye, terutama membabitkan tentera laut dan aeroangkasa, menyifatkan kerjasama itu sebagai kelebihan utama untuk Malaysia.

Beliau berkata, kerjasama sedemikian juga mencerminkan model perkongsian baharu berlandaskan prinsip tadbir urus yang baik dan ketelusan.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Turkiye dari Januari hingga November 2025 berjumlah RM21.2 bilion (AS\$4.92 bilion).

Pada 2024, Turkiye ialah rakan dagang ketiga terbesar Malaysia, destinasi eksport terbesar dan sumber import keempat terbesar dalam kalangan negara di Asia Barat dengan jumlah perdagangan bernilai RM24.15 bilion (AS\$5.28 bilion).